

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI PEMBUKAAN RASMI SEMINAR
GERAKAN MAJU ASPEK KESIHATAN
DAN PEMBANGUNAN NEGARA
DI SEKOLAH MENENGAH
SULTAN ABDUL HALIM JENAN, ALOR STAR,
PADA 5 SEPTEMBER, 1966.

Kerajaan Perikatan adalah berazam untuk membina Negara ini supaya menjadi "sebuah Negara yang sebenar-benar maju dan makmur". Hasrat ini bukanlah berpunca daripada perasaan-perasaan yang melampau, berkehendakkan kemajuan besar-besaran dengan sekali gus, sebagai yang sedang diusahakan oleh beberapa Negara lain, tetapi adalah terbit dari tujuan yang suci untuk membina taraf hidup yang tinggi dan bahagia untuk rakyat jelata dengan berasaskan kepada prinsip-prinsip demokrasi.

Usaha untuk membentuk Negara ini supaya menjadi sebuah Negara yang maju dan makmur adalah bergantung kepada kebolehan kita melangkah ke hadapan daripada zaman serba kekurangan kepada zaman moden dan juga mengikis dengan jayanya segala kesan-kesan penjajahan yang masih lagi ada berupa kemiskinan, kurang kesihatan, buta huruf dan sikap 'tidak apa', iaitu kesan-kesan buruk yang masih lagi mempengaruhi rakyat kita dan menghalang mereka daripada mencapai kemajuan.

Untuk mencapai tujuan kita itu kita perlu berusaha, iaitu usaha bersama antara Kerajaan dengan rakyat, bagi memutuskan belunggu purba yang mengikat setengah daripada setengah orang kita ke sikap berpuas hati walaupun dalam kemunduran; usaha untuk membuang tempurung kejahilan yang menghalang rakyat kita daripada mencapai pengetahuan dan pandangan yang lebih luas; dan usaha untuk mengenyahkan segala bencana-bencana yang menahan mereka daripada menggunakan kemudahan-kemudahan dan mengetahui faedah-faedah yang boleh didapati daripada perkhidmatan-perkhidmatan moden yang sedang disediakan dengan banyaknya oleh Kerajaan Perikatan dibawah Rancangan Pembangunan.

Kita sekarang sedang berada di dalam zaman pembangunan dan semua ikhtiar dan usaha Kerajaan Perikatan adalah ditumpukan untuk merapatkan 'timba kemajuan' kepada "air di dalam telaga kemakmuran". Segala daya usaha ini adalah ditujukan kepada matlamat yang benar - bukan hanya menjadikan kemakmuran suatu perkara yang dikenali oleh hanya setengah-setengah keluarga tetapi juga supaya tiap-tiap warganegara dapat merasai nikmat-nikmat kemerdekaan, iaitu mempunyai taraf hidup yang lebih tinggi lagi dalam Negara yang makmur dan kaya raya ini.

Kita semua sedar bahawa Negara kita mempunyai bahan-bahan yang cukup untuk kegunaan kita mencapai kemajuan dan kemakmuran. Terpulanglah kepada kita - terutama rakyat di luar bandar memilih dan menggunakan bahan-bahan itu dengan bijaknya. Jika kita bijak menggunakan semua bahan-bahan yang menjadi punca-punca kekayaan kita akan mencapai kemajuan dan kemakmuran dengan lebih cepat lagi.

Kita sekarang mempunyai banyak pengalaman dalam usaha membangunkan Negara kita sendiri. Teknik pelaksanaan pembangunan kita bukan sahaja baik tetapi juga telah menunjukkan bukti. Jentera pentadbiran kita pula adalah satu-satunya yang terbaik sekali di dunia sebelah sini. Kesemua ini - pengalaman kita, teknik-teknik atau cara-cara pelaksanaan kita dan jentera pentadbiran kita - adalah mengukuhkan kelengkapan untuk kita mara jauh ke hadapan di dalam lapangan pembangunan yang lebih luas lagi.

Sekarang, masanya telah tiba untuk kita memberi kesedaran kepada rakyat seluruhnya; menyedarkan mereka bahawa kemajuan dan kebahagiaan itu hanya boleh dicapai dengan usaha, ketabahan dan kesabaran; bahawa kekayaan serta kebahagiaan di masa hadapan adalah bergantung di atas usaha pada masa sekarang ini, bahawa kekayaan dan kebahagiaan itu tidak mendatang, tetapi mestilah dikejar dan diusahakan sehingga dapat; dan rakyat janganlah semata-mata berpuas hati dengan rezeki yang ada; ataupun bergantung semata-mata kepada apa yang mereka ada pada hari ini kerana barang-barang itu tidak semuanya berkekalan. Hendaklah kita menyedarkan rakyat kita bahawa hasil dan matlamat kemerdekaan ialah: berjaya mengecapi kemajuan, kebahagiaan dan kesejahteraan hidup dalam sebuah negara yang moden dan berdaulat.

Memanglah ada banyak cara-caranya untuk menghasilkan tujuan ini. Selama ini Kerajaan telah menjalankan banyak usaha dengan memberi latihan, menjalankan kursus-kursus tatarakyat, mengadakan lawatan-lawatan sambil belajar untuk memberi kesedaran kepada rakyat jelata. Hasilnya adalah memuaskan. Tetapi ini tidak sekali-sekali mencukupi untuk kita bersandar dan berasa puas had.

Seminar ini adalah satu lagi usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat yang ditujukan - iaitu untuk mendapatkan penyertaan yang lebih lagi daripada rakyat di dalam Pembangunan Masyarakat.

Seminar ini adalah satu lagi usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat yang ditujukan - iaitu untuk mendapatkan penyertaan yang lebih lagi daripada rakyat di dalam Pembangunan Masyarakat.

Seminar ini adalah yang pertama diadakan dalam siri yang dirancang di bawah Gerakan MAJU. Banyak lagi seminar-seminar yang hendak diadakan pada masa akan datang, di tempat-tempat lain dan mengenai perkara-perkara lain pula supaya lebih besar bidang pembangunan dapat dibincangkan dan lebih ramai orang-orang yang mahu kemajuan dan kemakmuran Negara ini dapat mengambil bahagian.

Seminar ini adalah diselenggarakan oleh Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Negeri Kedah. Oleh sebab sekarang ini telah ada tertubuh Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia maka adalah menjadi harapan saya, iaitu Seminar-seminar serupa ini untuk masa-masa hadapan akan diselenggarakan oleh Pusat tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dipilih mengambil bahagian di Seminar ini adalah terkenal sebagai orang-orang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam lapangan-lapangan istimewa yang dapat dijadikan panduan dan digunakan bersama oleh mereka yang mengendalikan tugas-tugas dalam Pembangunan Masyarakat. Oleh itu, saya berasa yakin bukan sahaja tuan-tuan dan puan-puan sedang menanti-nantikan permulaan Seminar ini tetapi juga tuan-tuan dan puan-puan dapat memberi sedikit sebanyak pengetahuan-pengetahuan yang berguna di dalam Seminar ini. Saya juga berharap tuan-tuan dan puan-puan akan berbincang dengan bebas, dan moga-

moga hasil daripada perbincangan-perbincangan ini akan menjadi derma bakti tuan-tuan untuk kemajuan Negara.

Saya ucapkan selamat tuan-tuan dan puan-puan berseminar. Saya berharap juga moga-moga tuan-tuan dan puan-puan akan mendapat pengetahuan-pengetahuan yang berfaedah daripada perbincang-perbincangan dan juga daripada lawatan-lawatan yang telah sedia diatitkan, dan daripada pergaulan-pergaulan semasa menghadiri seminar ini. Sekarang dengan sukacitanya merasmikan pembukaan seminar ini.